

WILAYAH PERSEKUTUAN

Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan,
Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara,
50676 Kuala Lumpur.
Tel: 03-22733788 Faks: 03-22734308.

SELANGOR

Mahkamah Syariah Negeri Selangor, Tingkat 5 & 6,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
Persiaran Pegawai, Seksyen 5,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-55191309 Faks: 03-55191317.

NEGERI SEMBILAN

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan,
Jalan Dato' Hamzah,
70000 Seremban, Negeri Sembilan
Tel: 06-7631241 Faks: 06-7645426.

MELAKA

Mahkamah Syariah Negeri Melaka.
Lot 2434, Blok D, Kompleks Mahkamah Melaka,
Lebuh Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya,
75450 Melaka.
Tel: 06-2332061 Faks: 06-2313913

PULAU PINANG

Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang
No. 3, Jalan Batu Gantung,
10450 Pulau Pinang.
Tel: 04-8271875 Faks: 04-8296427

PERLIS

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis
Persiaran Jubli Emas,
Jalan Pegawai,
01000 Kangar Perlis
Tel: 04-9774846 Faks: 04-9775107

PERAK

Jabatan Kehakiman Syariah Perak
Aras 3, Kompleks Mahkamah Syariah Perak
Jalan Pari Off Jalan Tun Razak
30000 Ipoh Perak
Tel: 05-5018400 Faks: 05-5018522

KELANTAN

Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan,
Kompleks Islam Lundang,
15200 Lundang, Kota Bahru, Kelantan
Tel: 09-7480206 Faks: 09-7430476

TERENGGANU

Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu
Jalan Sultan Mohamad,
21100 Kuala Terengganu
Tel: 09-6232323 Faks 09-6241510

JOHOR

Jabatan Kehakiman Syariah Johor,
Bangunan Mahkamah Syariah Negeri Johor,
Lot 259, Jalan Abu Bakar,
80100 Johor Bahru, Johor.
Tel: 07-2199000 Faks: 07-2213133

PAHANG

Jabatan Kehakiman Syariah Pahang,
Jalan Masjid, 25000 Kuantan, Pahang
Tel: 09-5177966 Faks: 09-5554805

KEDAH

Jabatan Kehakiman Syariah Kedah
Aras 2, Bangunan Mahkamah Syariah,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
06550 Bandar Muazam Shah, Kedah
Tel: 04-7001980 Faks: 04-7001989

SARAWAK

Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak
Bangunan Mahkamah Syariah,
Jalan Satok, 93400 Kuching, Sarawak.
Tel: 082-429810 Fax: 082-244576

SABAH

Jabatan Kehakiman Syariah Sabah
Tingkat 2, Blok B, Wisma MUIS,
Beg berkunci No. 130,
88739 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: 088-253579 Faks: 088-219066

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2, 3 & 4, Blok D7, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62677 Putrajaya
Tel: 03-88864800 Fax: 03-88891627

www.jksm.gov.my



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA



PENCERAIAN (Pembubaran Perkahwinan)



PERCERAIAN (PEMBUBARAN PERKAHWINAN)

PERCERAIAN

Perceraian yang terdapat di dalam Akta/Enakmen/Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Negeri yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri adalah seperti berikut:

1. Perceraian dengan lafaz talaq
2. Pengesahan Lafaz Talaq
3. Fasakh
4. Cerai Takliq
5. Tebus Talaq/Khulu'
6. Anggapan Mati

Akta/Enakmen/Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Negeri telah memperuntukkan bahawa semua lafaz talaq hendaklah dilafazkan di hadapan Mahkamah dan dengan kebenaran Mahkamah. Adalah menjadi kesalahan sekiranya lafaz talaq tersebut dilafazkan di luar Mahkamah dan Tanpa Kebenaran Mahkamah.

1. PERCERAIAN DENGAN LAFAZ TALAQ

Talaq ialah pembubaran ikatan perkahwinan dengan lafaz talaq atau seumpamanya berdasarkan Al-Qur'an, as-Sunnah dan Ijma' ulama'. Perceraian boleh dilakukan dengan lafaz *soreh* (jelas) dan lafaz *kinayah* (sindiran).

2. PENGESAHAN LAFAZ TALAQ

Pengesahan Lafaz Talaq ialah talaq yang dilafazkan oleh suami di luar Mahkamah Tanpa Kebenaran Mahkamah sama ada

dengan lafaz *soreh* atau lafaz *kinayah*. Pihak-pihak sama ada suami atau isteri, hendaklah melaporkan kepada Mahkamah dalam masa tujuh (7) hari, Mahkamah akan menyasat dan memastikan sama ada lafaz tersebut sabit talaq atau tidak mengikut Hukum Syarak.

3. FASAKH

Fasakh ialah pembubaran perkahwinan disebabkan oleh sesuatu perkara yang diharuskan oleh Hukum Syara'. Di antara perkara-perkara yang mengharuskan Fasakh ialah apabila suami atau isteri:

- (a) Tidak diketahui di mana mereka berada selama tempoh lebih daripada satu tahun.
- (b) Tidak mengadakan peruntukkan nafkah isteri selama tempoh 3 bulan.
- (c) Telah dihukum penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih.
- (d) Tidak menunaikan tanpa sebab yang munasabah nafkah batin selama setahun.
- (e) Telah mati pucuk.
- (f) Telah gila selama tempoh 2 tahun.
- (g) Sedang mengidap penyakit kusta atau penyakit kelamin yang berjangkit.
- (h) Lazim menyakiti atau menjadikan kehidupan isterinya menderita.
- (i) Berkawan dengan perempuan-perempuan jahat.
- (j) Memaksa isteri hidup secara lucah.
- (k) Melupakan harta isteri.
- (l) Menghalang isteri menunaikan kewajipan agama.
- (m) Tidak berlaku adil kepada isteri-isterinya mengikut Hukum Syara'.

- (n) Tidak menyetubuhi isteri dengan sengaja walaupun empat bulan telah berkahwin.
- (o) Dan apa-apa alasan lain yang diiktiraf Hukum Syara'.

4. CERAI TA'LIQ

Ta'liq ertinya perjanjian yang dibuat oleh suami selepas akad nikah mengikut Hukum Syara' dan sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta/Enakmen/ Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri. Cerai ta'liq boleh disabitkan apabila berlaku pelanggaran ke atas ta'liq dan setelah aduan dibuat serta disahkan oleh Mahkamah.

5. TEBUS TALAQ (KHULU')

Perceraian tebus talaq ialah satu perceraian yang diminta oleh isteri daripada suaminya dengan memberi wang atau harta benda sepertimana yang dipersetujui melalui ijab dan qabul. Cerai khulu' adalah merupakan cerai bain sughra dan tidak boleh dirujuk melainkan dengan akad dan mas kahwin yang baru.

6. ANGGAPAN MATI

Anggapan mati ialah apabila suami seorang perempuan telah mati atau dipercayai telah mati atau telah tidak didapati apa-apa perkhabaran mengenainya selama tempoh 4 tahun atau lebih. Apabila keadaan itu berterusan dan perempuan itu hendak berkahwin lain hendaklah terlebih dahulu mendapat perisytiharan anggapan mati daripada Mahkamah.